

INFO

US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Kewangan Keusahawanan: Satu Perbincangan Mengenai Kajian Era Baru (Bahagian 1)

Noor Malinjasari Binti Ali¹, Roseziahazni Abd Ghani¹, A'tiqah Rashidah Abu Samah¹, Hasmi Mokhlas², Rahayu Izwani Borhanuddin³, dan Ruzaidah Sulong¹

¹ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Dungun, Malaysia

² Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Melaka, Melaka, Malaysia

³ Fakulti Perakaunan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Johor, Malaysia

Koresponden: rahay823@uitm.edu.my

Kewangan keusahawanan menawarkan pelbagai peluang untuk tajuk penyelidikan di era baharu ini. Untuk keusahawanan yang diusahakan sendiri, kewangan bukan sahaja merangkumi penyediaan modal tetapi juga menyediakan nasihat, jaringan, pemantauan, tadbir urus dan membenarkan pertukaran maklumat antara pelbagai agensi. Pihak para ilmuwan juga telah membangunkan set-set data dan pengukuran yang lebih baik untuk mengukur dan memantau pembolehubah ini dalam pelbagai konteks.

Sejak dari tahun 2006, terdapat lonjakan ketara dalam penyelidikan mengenai kewangan keusahawanan. Ini mungkin berlaku disebabkan peningkatan dalam aktiviti keusahawanan, ekonomi gig, dan bentuk keusahawanan baharu kewangan seperti *crowdfunding*. Namun, masih banyak lagi kajian untuk masa hadapan yang perlu dijana sebagai contoh, pertama, mengapa dan adakah modal teroka dan kontrak ekuiti persendirian berbeza secara drastik di negara yang berbeza? Terdapat beberapa ilmuwan yang cuba memberi penerangan, antaranya penjelasan mengenai cukai yang menjadi penyebab kepada perbezaan tersebut (Gilson dan Schizer, 2003), kecanggihan dan pengalaman, undang-undang peraturan, penguatkuasaan undang-undang dan budaya (Cumming dan Johan, 2013). Selanjutnya, mungkin terdapat lebih banyak kerja mengenai hubungan antara tetapan undang-undang dan budaya dalam hasil pelaburan (lihat juga Nahata et al., 2014; Zahra, 2014).

Kedua, untuk modal bukan teroka dan pelaburan ekuiti persendirian, apakah istilah pelaburan yang digunakan dan bagaimana ia berbeza-beza mengikut negara, apakah ciri-ciri pihak yang melabur dan untuk tempoh masa yang berbeza? Ada sedikit penyelidikan mengenai syarat kontrak untuk pelaburan hutang swasta, dan khususnya di negara dan persekitaran institusi yang berbeza.

Ketiga, dalam konteks apakah jenis atau sumber kewangan keusahawanan yang berbeza melengkapinya antara satu sama lain untuk membolehkan hasil keusahawanan yang unggul? Sebagai contoh, adalah hutang bank, kredit perdagangan, adalah pelengkap atau pengganti kepada *crowdfunding*? Kajian mengenai kewangan keusahawanan banyak menggunakan satu sumber modal sahaja, kerana sifat data tersebut yang terbahagi mengikut bahagian. Terma yang digunakan adalah terma pembiayaan (hak aliran tunai, hak kawalan, penilaian) dalam kewangan keusahawanan berbeza bergantung kepada kehadiran sumber modal yang berbeza. Bentuk kewangan keusahawanan yang manakah membolehkan hasil terbaik untuk firma keusahawanan, dan di bawah konteks mana (mengikut industri, peringkat pembangunan, saiz pasukan, wilayah, negara, jantina, dsb.) Beberapa kajian inovatif mengikut hala ini dan perbincangan lanjut terdapat dalam kajian McCahery dan Vermeulen (2016).

Keempat, memandangkan ia merupakan sesuatu yang baru, terdapat beberapa persoalan kajian mengenai *crowdfunding*. Sebagai contoh, apakah peraturan yang paling berkesan untuk pendanaan ekuiti yang membenarkan ramai pelabur? Apakah platform *crowdfunding* yang berkesan dan adakah mereka berbeza dari segi hasil pembiayaan untuk firma keusahawanan? Akhir sekali, mungkin terdapat lebih banyak kajian tentang sejauh mana jantina dan kaum dalam sumber kewangan keusahawanan yang berbeza memberikan impak yang berbeza. Sejauh manakah berat sebelah jantina dikurangkan dalam *crowdfunding*, dan apakah interaksi tersebut antara *crowdfunding* dan modal teroka mengurangkan berat sebelah jantina? Dan apakah berat sebelah ini berbeza-beza mengikut faktor geografi?

Berjumpa lagi di bahagian akan datang.....

Rujukan

[1] Cumming, D.J., Johan, S.A. 2013. *Venture Capital and Private Equity Contracting: An International Perspective*, 2nd Edition, Elsevier Science Academic Press.

[2] Gilson, R., Schizer, D., 2003. *Venture capital structure: a tax explanation for convertible preferred stock*. *Harvard Law Review* 116: 875- 916

[3] Klein, P.G., Mahoney, J.T., McGahan, A.M., Pitelis, C.N. 2013. *Capabilities and strategic entrepreneurship in public organizations*, *Strategic Entrepreneurship Journal* 7, 70-91.

[4] McCahery, J.A., Vermeulen, E.P.M. 2016. *Venture Capital 2.0: From Venturing to Partnering*, *Annals of Corporate Governance* 1(2), 95-173. <http://dx.doi.org/10.1561/109.000000007>

[5] Nahata, R., Hazaruka, S., Tandon, K. 2014. *Success in global venture capital investing: Do institutional and cultural differences matter?* *Journal of Financial and Quantitative Analysis* 49: 1039-1070

[6] Zahra, S.A. 2014. *Public and corporate governance and young global entrepreneurial firms*, *Corporate Governance: An International Review* 22(2): 77-83.

